

GAYA KEIBUBAAPAN DAN KETAGIHAN PENGUNAAN PERANTI TEKNOLOGI DIGITAL KANAK-KANAK BERMASALAH PEMBELAJARAN

Farah Nurliena Che Husin[#], Mohd Hanafi Mohd Yasin[#], Shahlan Surat[#]

[#] *Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia*
E-mail: P110844@siswa.edu.my; mhmy6365@ukm.edu.my; drshahlan@ukm.edu.my

Abstrak

Penggunaan peranti teknologi digital (PTD) secara tidak terkawal akan mendorong kepada ketagihan serta kebergantungan yang tinggi terhadapnya. Setiap ibu bapa seharusnya mempraktikkan gaya keibubapaan yang tepat dan sesuai untuk mengawal perkara ini daripada menjadi semakin parah. Justeru, kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara gaya keibubapaan dengan ketagihan penggunaan PTD kanak-kanak bermasalah pembelajaran (MP). Kajian berbentuk tinjauan ini dijalankan bagi mengumpul data secara kuantitatif menggunakan instrumen soal selidik. Instrumen soal selidik diedarkan secara dalam talian melalui pautan *Google Form*. Seramai 80 orang responden kajian terdiri daripada ibu bapa yang mempunyai anak MP berusia tujuh hingga 12 tahun di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor dan Wilayah Persekutuan Putrajaya dipilih melalui teknik persampelan rawak mudah. Dapatan kajian seterusnya dianalisis secara deskriptif dan inferensi menggunakan perisian *Statistical Package for The Social Services* (SPSS) versi 26.0 bagi mendapatkan nilai min, peratus, sisihan piawai serta pekali kolerasi. Dapatan kajian ini memaparkan gaya keibubapaan autoritatif adalah paling tinggi dipraktikkan berbanding gaya autoritarian dan permisif. Selain itu, kajian ini mendapati tahap ketagihan penggunaan PTD kanak-kanak MP adalah sederhana. Kajian ini turut menunjukkan gaya keibubapaan autoritatif dan gaya keibubapaan permisif mempunyai hubungan yang signifikan dengan ketagihan penggunaan PTD manakala tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan autoritarian dengan penggunaan PTD. Jelaslah, gaya keibubapaan memberi pengaruh terhadap tahap ketagihan penggunaan PTD bagi kanak-kanak MP. Implikasinya, kajian ini dapat memberi pendedahan kepada ibu bapa tentang gaya keibubapaan yang bersesuaian, terbaik dan efektif bagi mengoptimumkan kadar penggunaan PTD kanak-kanak MP.

Kata Kunci : *Gaya keibubapaan; Ketagihan; Peranti teknologi digital; Kanak-kanak bermasalah pembelajaran*

I. PENGENALAN

Ledakan perkembangan teknologi pada masa kini membawa kepada penggunaan PTD yang semakin pesat dan meluas dalam kalangan masyarakat. Pelbagai teknologi canggih digunakan secara optimum dalam aspek kehidupan meliputi pendidikan, kesihatan dan permainan selari keperluan Revolusi Industri 4.0 [1]. Hampir setiap ahli keluarga tidak mengira lapisan usia dan sosial mempunyai sekurang-kurangnya satu peranti sendiri seperti telefon pintar, komputer atau komputer riba [2]. Perkara ini secara tidak langsung meningkatkan tahap pendedahan serta penggunaan PTD dalam kehidupan setiap individu. Kemunculan era Pandemik COVID-19 telah meningkatkan lagi penggunaan PTD dalam pelbagai lapisan masyarakat terutama golongan kanak-kanak akibat pengubahsuaian aktiviti pembelajaran yang dijalankan secara dalam talian. Rentetan itu, PTD telah menjadi satu keperluan bagi setiap kanak-

kanak sebagai alat bantu agar aktiviti pembelajaran dapat dilaksanakan dengan efektif [3]. Oleh yang demikian, kebanyakan ibu bapa mengambil inisiatif dengan membekalkan PTD kepada anak-anak bagi membantu mereka mengakses aktiviti pembelajaran sepanjang pandemik dengan mudah tidak mengira masa dan tempat. Penggunaan PTD yang terkawal dapat memberi impak positif terhadap proses pembelajaran dan kehidupan setiap kanak-kanak. Hal ini juga dapat meningkatkan kualiti pendidikan selaras Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

PTD bukan hanya digunakan dalam aktiviti pembelajaran malah turut digunakan bagi mengisi masa lapang. Revolusi ini mendorong individu terutama kanak-kanak menjadi obses dan ketagih dengan PTD. Kanak-kanak menghabiskan masa menggunakan PTD seperti telefon pintar bagi melayari internet, menonton video dan bermain permainan video secara puratanya selama 19 jam seminggu [4], [5]. Ketagihan PTD memberi risiko

besar kepada tahap pencapaian dan perkembangan sendiri individu tersebut. Hal ini kerana penggunaan PTD secara berterusan dan lama akan meninggalkan kesan jangka panjang kepada perkembangan kognitif, sosial, emosi, tingkah laku dan kesihatan kanak-kanak. Perkara ini menjadi semakin rumit apabila kebanyakan kanak-kanak termasuk kanak-kanak berkeperluan khas mulai ketagih, obses serta terlalu bergantung dengan PTD sepanjang hari [6]. Kanak-kanak MP lebih cenderung menggunakan PTD kerana mereka mudah untuk menyesuaikan diri dan berkomunikasi dengan orang lain melalui alam maya berbanding secara bersemuka disebabkan ketidakupayaan yang dihadapi [7]. Sebanyak 60.3% kanak-kanak autisme terdedah lebih lama dengan layar peranti berbanding kanak-kanak tipikal untuk bermain permainan video dan menonton video [8]. Tuntasnya, kanak-kanak berkeperluan khas turut sama terkena tempas ketagihan penggunaan PTD.

Demikian, ibu bapa perlulah membabitkan diri secara langsung untuk memantau dan mengawal penggunaan PTD melibatkan kanak-kanak MP. Walau bagaimanapun, penggunaan PTD secara berlebihan dan tidak terkawal sering kali berpunca daripada tindakan ibu bapa itu sendiri. Terdapat segelintir ibu bapa menjadikan PTD sebagai alat bantuan untuk mengawal atau mendiamkan anak-anak. Perkara ini jelas apabila kebanyakan ibu bapa memberikan telefon pintar kepada anak-anak ketika mereka menyelesaikan tugas rumah, menjadikan peneman anak sebelum tidur serta bertujuan untuk menenangkan emosi anak mereka [9], [10]. Selain itu, kecelaruan tingkah laku yang dialami kanak-kanak khas seperti agresif, tantrum, mengganggu dan menjerit juga mendorong ibu bapa mengatasi perkara tersebut dengan kaedah yang cepat iaitu memberikan PTD apabila anak berkelakuan sedemikian. Tindakan tersebut dianggap sebagai kaedah yang berkesan untuk mengawal tingkah laku negatif yang ditunjukkan [11]. Namun, tindakan drastik ini sebenarnya membuka peluang kepada kanak-kanak untuk menggunakan PTD secara berlebihan [12]. Natijahnya, kadar penggunaan PTD semakin bertambah jika ibu bapa tidak mempunyai kesedaran dalam mengawal penggunaannya dengan betul.

Ibu bapa seharusnya peka dan cakna dalam mengawal penggunaan PTD mengikut had masa yang disyorkan agar dapat mengurangkan kesan jangka masa panjang terhadap perkembangan diri kanak-kanak. Gaya keibubapaan yang dipraktikkan mempengaruhi kadar penggunaan PTD oleh kanak-kanak. Gaya keibubapaan seperti gaya autoritatif, autoritarian dan permisif mempunyai keberkesanan berbeza mengikut situasi yang bersesuaian. Kanak-kanak yang diasuh secara autoritatif dilihat kurang menggunakan PTD jika dibandingkan kanak-kanak dengan ibu bapa permisif [12]. Namun, kebanyakan ibu bapa dengan anak tipikal sering mempraktikkan gaya autoritatif tetapi berbeza dengan ibu bapa

kanak-kanak MP [13]. Ibu bapa kanak-kanak MP cenderung mempraktikkan gaya autoritarian bagi memudahkan proses pemantauan dan pengawalan penggunaan PTD. Hakikatnya, kanak-kanak akan menjadi agresif kerana terpaksa akur terhadap setiap peraturan ketat yang ditetapkan ibu bapa mereka [14]. Selain itu, ibu bapa dengan gaya permisif pula membuka peluang yang besar kepada kanak-kanak MP untuk terdedah kepada PTD secara berlebihan. Kanak-kanak akan mendapat kebebasan untuk melakukan apa sahaja tanpa kawalan ketat. Oleh itu, pemilihan gaya keibubapaan yang sesuai dengan ketidakupayaan kanak-kanak MP penting bagi mengawal penggunaan PTD. Selain itu, kajian berkaitan ketagihan penggunaan PTD melibatkan ibu bapa kanak-kanak MP berada pada peringkat yang minimum. Hal ini kerana kebanyakan kajian lalu tertumpu kepada ruang lingkup kanak-kanak tipikal. Tegasnya, kajian berkaitan gaya keibubapaan perlu diberi penekanan kerana kurang dilaksanakan [11]. Demikian, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti hubungan antara gaya keibubapaan yang dipraktikkan dengan ketagihan penggunaan PTD kanak-kanak MP.

II. KAJIAN LITERATUR

Ibu bapa memainkan peranan dalam mendidik peribadi dan tingkah laku kanak-kanak di samping meningkatkan perkembangan diri agar melahirkan individu yang produktif. Gaya keibubapaan yang dipraktikkan mempengaruhi tingkah laku, sosial, emosi, psikologi serta hubungan ibu bapa dengan anak-anak [11], [14], [15]. Oleh itu, peranan ibu bapa perlu dititik beratkan bagi menghasilkan modal insan yang seimbang, sihat dan sejahtera. Secara amnya, setiap ibu bapa bertanggungjawab dalam mengawal tingkah laku anak-anak mereka termasuk memantau dan mengawal penggunaan PTD agar tidak berlebihan. Namun, terdapat segelintir ibu bapa menghadapi kekangan dalam mengatasi hal tersebut [10], [16]. Kajian lalu mendapati peranan dan penglibatan ibu bapa adalah signifikan dengan peningkatan penggunaan PTD [17]. Demikian, pemilihan gaya keibubapaan yang sesuai penting untuk memantau dan mengawal penggunaan PTD agar tidak berlebihan dalam kalangan kanak-kanak MP. Selaras dengan itu, Baumrind (1966) telah memperkenalkan Model Gaya Keibubapaan berkaitan cara yang diaplikasikan oleh ibu bapa dalam mendidik anak-anak. Gaya keibubapaan tersebut adalah gaya keibubapaan autoritatif, gaya keibubapaan autoritarian dan juga gaya keibubapaan permisif [18]. Ketiga-tiga gaya keibubapaan ini menjelaskan tentang corak didikan yang berlainan berasaskan tahap responsif dan kawalan meliputi aspek kebertanggungjawaban serta permintaan oleh ibu bapa terhadap anak-anak [19]. Kepelbagaian tahap responsif dan juga kawalan tersebut mampu mempengaruhi corak penghasilan diri seseorang

individu. Hal ini kerana ketiga-tiga gaya tersebut memberi kesan berbeza terhadap tingkah laku, sosial dan emosi setiap kanak-kanak.

Gaya keibubapaan autoritatif merupakan suatu kaedah didikan yang mengintegrasikan pendekatan berpusatkan kanak-kanak dan berpusatkan ibu bapa dalam menghasilkan individu yang mampu berdikari dan cekap menguruskan pelbagai perkara [20]. Ibu bapa dengan gaya ini menunjukkan sifat yang lembut tetapi tegas dalam mendidik anak mereka. Kanak-kanak akan menjadi lebih berdisiplin, mempunyai tujuan hidup yang jelas dan bermoral. Ibu bapa dengan gaya ini juga melibatkan anak-anak dalam membuat sebarang keputusan, mendengar dan menghormati cadangan yang diberikan oleh anak mereka tentang sesuatu perkara namun tetap menetapkan sempadan yang perlu dipatuhi [14], [16]. Hal ini jelas menunjukkan kanak-kanak berhak membuat keputusan tetapi dikawal secara berpada. Namun demikian, gaya ini banyak dipraktikkan oleh ibu bapa yang mempunyai anak tipikal kerana mereka mampu berkomunikasi dan berinteraksi dengan sebaiknya [13]. Tuntasnya, gaya keibubapaan ini lebih bersifat demokrasi, menyokong perkembangan, berupaya melahirkan individu yang bermoral serta berdisiplin.

Ibu bapa dengan gaya autoritarian pula adalah lebih tegas. Gaya yang berpusatkan ibu bapa ini menekankan kanak-kanak untuk menunjukkan rasa hormat dengan mematuhi setiap arahan atau peraturan yang telah ditetapkan oleh ibu bapa [20]. Ibu bapa gaya ini menunjukkan sifat autokratik dan mempunyai permintaan atau kawalan yang tinggi kepada anak-anak [14]. Ibu bapa ini sering memberi arahan tanpa menerangkan sebab serta akibat secara jelas dan menuntut anak mematuhi perkara tersebut tanpa memikirkan kesediaan mereka [11], [16]. Hal ini menyebabkan kanak-kanak kurang jelas tentang sesuatu perkara sehingga boleh mendorong mereka menunjukkan tingkah laku negatif. Natiujahnya, kanak-kanak yang dididik dengan gaya autoritarian cenderung bertingkah laku agresif, kurang matlamat dan tidak berkeyakinan [11]. Hal ini kerana setiap tindakan dan keputusan hanya dibuat oleh ibu bapa sahaja. Kanak-kanak tidak diberikan peluang untuk membuat keputusan atau memberi cadangan walaupun berkaitan diri mereka. Tegasnya, kanak-kanak merasa dirinya dikongkong dan cenderung melakukan tingkah laku negatif tanpa kehadiran ibu bapa atau apabila berada di luar kawalan ibu bapa.

Selain itu, gaya keibubapaan permisif pula berasaskan pendekatan berpusatkan kanak-kanak iaitu meletakkan autonomi sepenuhnya kepada anak-anak dalam menentukan corak kehidupan mereka sendiri [20]. Ibu bapa yang menggunakan gaya permisif tidak mempunyai matlamat yang jelas tentang kehidupan anak, berlembut dan tidak menetapkan sebarang peraturan kepada anak-anak [17]. Mereka dilihat sebagai ibu bapa yang mempraktikkan prinsip kebebasan kerana terlalu

mengikut kemahuan serta kehendak anak-anak sehingga tidak sanggup membuat apa-apa keputusan secara tetap terhadap anak-anak. Ibu bapa permisif juga tidak bertegas dan kurang kawalan terhadap tingkah laku anak mereka [11], [14]. Walaupun gaya ini dikatakan sebagai gaya yang paling tidak membebankan, namun gaya ini berupaya merosakkan hubungan antara ibu bapa dan anak serta perkembangan kanak-kanak itu sendiri [13]. Hal ini kerana ibu bapa hanya akan membiarkan dan kurang peduli jika anak mereka menggunakan PTD secara berlebihan. Justeru, perkara ini akan mengakibatkan kanak-kanak bertingkah laku negatif apabila kemahuan mereka tidak dipenuhi. Tuntasnya, gaya ini jelas akan meninggalkan kesan negatif ke atas perkembangan setiap kanak-kanak.

Kanak-kanak MP merupakan antara individu yang turut terdedah dengan penggunaan PTD secara berlebihan [2], [21]. Hal ini jelas apabila kanak-kanak MP seperti ASD dan ADHD terdedah kepada skrin melebihi had masa standard yang telah ditetapkan iaitu tidak melebihi satu jam sehari untuk melayari internet, bermain permainan video dan menonton video [22]. Pendedahan secara berlebihan akan meninggalkan kesan terhadap perkembangan diri kanak-kanak tersebut. Kebanyakan kanak-kanak yang menggunakan PTD secara berlebihan sering menunjukkan tingkah laku negatif dan agresif [24]. Kanak-kanak MP akan turut mengalami gangguan dalam penguasaan bahasa, kemahiran membaca, ingatan memori yang lemah serta tumpuan yang singkat [2], [24], [25]. Mereka juga mudah terdedah kepada masalah kesihatan melibatkan fizikal serta mental seperti penyakit tulang belakang, obesiti dan hiperaktif [2], [24]. Justeru, fenomena tidak baik ini perlu diatasi dengan segera bagi mengurangkan impak negatif terhadap kehidupan kanak-kanak MP.

Seterusnya, beberapa kajian lalu mendapati kebanyakan ibu bapa mempraktikkan gaya keibubapaan autoritatif berbanding gaya autoritarian dan gaya permisif dalam memantau dan mengawal penggunaan PTD kanak-kanak tipikal serta MP. Jelas apabila didapati sebanyak 84.6% ibu bapa mempraktikkan gaya autoritatif untuk mengawal ketagihan PTD dalam kalangan kanak-kanak [26]. Hal ini kerana ibu bapa yang mempraktikkan gaya autoritatif memberi pengaruh positif terhadap kadar penggunaan PTD oleh kanak-kanak MP [11]. Sebaliknya, kanak-kanak yang dididik dengan gaya permisif pula cenderung untuk menghabiskan lebih banyak masa dengan skrin sesentuh berbanding kanak-kanak yang dididik dengan gaya lain [26]. Amalan gaya keibubapaan yang berbeza memberi kesan berlainan kepada tahap ketagihan penggunaan PTD dalam kalangan kanak-kanak MP. Pemilihan gaya keibubapaan yang sesuai berupaya mengatasi penggunaan PTD secara berlebihan. Penglibatan aktif dan berterusan oleh ibu bapa juga penting agar dapat mengawal dan mengawasi tingkah laku kanak-kanak sepanjang mereka menggunakan PTD agar

tidak memudaratkan. Oleh yang demikian, ibu bapa seharusnya peka, cakna dan aktif untuk mengawal serta mengatasi ketagihan penggunaan PTD kanak-kanak MP bagi melahirkan individu yang sejahtera dan seimbang.

III. KAEDAH PENYELIDIKAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan secara kuantitatif. Kajian dijalankan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor serta Wilayah Persekutuan Putrajaya. Rasional pemilihan tempat ini sebagai lokasi kajian kerana lokasi ini merupakan kawasan strategik yang memberi kemudahan kepada pengkaji bagi menjalankan kajian dengan baik. Responden kajian pula dipilih melalui teknik persampelan rawak mudah. Kajian dijalankan ke atas 80 orang ibu bapa yang mempunyai anak MP berumur sekitar tujuh hingga 12 tahun dan terdedah kepada PTD.

Kajian rintis dilaksanakan terlebih dahulu sebelum kajian sebenar dijalankan. Seramai 20 orang ibu bapa yang mempunyai anak MP di Presint 8 dan Presint 9, Wilayah Persekutuan Putrajaya terlibat dalam kajian rintis. Kajian rintis dijalankan untuk mendapatkan pekali kebolehpercayaan bagi setiap item yang terdapat dalam instrumen kajian. Kebolehpercayaan kesemua item yang ditadbir menerusi kajian rintis adalah 0.66 iaitu merangkumi autoritatif (0.88), autoritarian (0.88), permisif (0.66) dan ketagihan (0.93). Item dengan nilai *Cronbach Alpha* dalam lingkungan 0.60 sehingga 0.70 dapat diterima dan boleh digunakan dalam kajian sebenar [27]. Dapatan kajian rintis ini hampir selari dengan kajian rintis yang dijalankan oleh Fathi dan Aseel (2014) yang memperoleh data yang konsisten bagi setiap domain iaitu autoritatif (0.80), autoritarian (0.77), permisif (0.75) serta pengabaian (0.91) [29]. Oleh itu, instrumen soal selidik yang dihasilkan

digunakan dalam kajian sebenar bagi memperoleh maklumat lengkap mengenai perkara yang dikaji.

Selain itu, kajian ini menggunakan tiga instrumen soal selidik yang diadaptasi daripada kajian terdahulu iaitu kajian Fathi dan Aseel (2014), Hawi et al. (2019) dan Al-Natour et al. (2021) [7], [28], [29]. Instrumen soal selidik kajian ini mengandungi 36 item yang dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama berkaitan demografi responden yang mengandungi 11 item. Bahagian kedua pula meliputi aspek gaya keibubapaan dengan 15 item iaitu masing-masing 5 item bagi gaya keibubapaan autoritatif, 5 item bagi gaya keibubapaan autoritarian dan juga 5 item bagi gaya keibubapaan permisif. Seterusnya bahagian ketiga yang mengandungi 10 item pula mengenai ketagihan penggunaan PTD. Item pada bahagian kedua dan ketiga dinilai menggunakan skala likert lima mata. Instrumen ini dihasilkan menerusi aplikasi *Google Form* dan seterusnya diedarkan kepada responden menggunakan aplikasi *Whatsapp* secara dalam talian. Aplikasi tersebut dipilih bagi mengurangkan kos dan masa pelaksanaan kajian.

Instrumen soal selidik yang telah diedarkan kepada responden kemudiannya dikumpul dalam tempoh lapan minggu sahaja. Data yang diperoleh dipindahkan ke perisian SPSS versi 26.0. Kesemua data yang diperoleh kemudiannya dianalisis secara statistik deskriptif dan juga inferensi. Statistik deskriptif dijalankan bagi mendapatkan nilai min, sisihan piawai, kekerapan dan peratus bagi setiap gaya keibubapaan serta tahap ketagihan penggunaan PTD kanak-kanak MP. Selain itu, statistik inferensi secara analisis korelasi menggunakan ujian *Pearson* untuk mengkaji hubungan antara gaya keibubapaan dengan ketagihan penggunaan PTD oleh kanak-kanak MP juga dijalankan. Demikian itu, data yang dianalisis diguna bagi menjawab persoalan kajian.

IV. KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian yang diperoleh melalui instrumen soal selidik dihuraikan berdasarkan lima persoalan kajian yang telah dikemukakan.

A. Gaya Keibubapaan yang dipraktikkan

Jadual 1 menunjukkan skor purata min bagi setiap gaya keibubapaan yang dipraktikkan oleh ibu bapa kanak-kanak MP.

Jadual 1 Gaya keibubapaan yang dipraktikkan

No.	Perkara	Min	Tahap
1	Gaya keibubapaan autoritatif	4.25	Tinggi

bersambung...

...sambungan

2	Gaya keibubapaan autoritarian	4.91	Tinggi
3	Gaya keibubapaan permisif	2.48	Sederhana

Berdasarkan keputusan analisis, dapat dilihat gaya keibubapaan utama yang digunakan adalah gaya keibubapaan autoritatif (min=4.25). Gaya kedua pula gaya keibubapaan autoritarian (min=4.19) dan diikuti gaya keibubapaan permisif (min=2.48). Ini bermakna, gaya keibubapaan autoritatif merupakan gaya yang paling dominan dipraktikkan ibu bapa untuk mengawal penggunaan PTD dalam kalangan kanak-kanak MP. Keseimbangan antara ketegasan dan kasih sayang yang ditunjukkan oleh ibu bapa autoritatif berupaya membantu mereka mengawal kadar penggunaan PTD secara total [14], [19]. Perkara tersebut dianggap relevan kerana ibu bapa bersikap demokratik dan melibatkan diri secara aktif bagi meningkatkan perkembangan diri, sosial, komunikasi dan tingkah laku secara berterusan di samping menyediakan suasana yang harmoni antara ibu bapa dan anak-anak [14], [23]. Tegasnya, ibu bapa dengan gaya ini mampu mendorong ke arah

kemencapaian kanak-kanak MP yang seimbang dan sejahtera.

B. Ketagihan Penggunaan PTD

Jadual 2 pula memaparkan peratus, nilai min, sisihan piawai (SP) dan tahap ketagihan penggunaan PTD dalam kalangan kanak-kanak MP.

Jadual 2 Ketagihan Penggunaan PTD

Item	Perkara	Peratus (%)			Min	SP	Tahap
		TK	KK	SK			
1	Anak sedih, marah atau mengamuk jika tidak dibenarkan menggunakan PTD.	47.5	26.3	26.3	2.66	1.27	Sederhana
2	Anak sedih, marah atau mengamuk jika diminta untuk berhenti menggunakan PTD.	50.0	27.5	22.5	2.53	1.19	Sederhana
3	Anak lebih gembira menggunakan PTD berbanding melakukan aktiviti lain.	42.5	26.3	31.3	2.78	1.19	Sederhana
4	Anak meluangkan lebih masa menggunakan PTD berbanding aktiviti lain.	41.3	31.3	27.5	2.68	1.21	Sederhana
5	Anak kurang tidur kerana menggunakan PTD.	80.1	7.5	12.5	1.79	1.11	Rendah
6	Apabila anak berhenti menggunakan PTD, tidak lama kemudian anak mula menggunakannya semula.	41.3	35.0	23.8	2.71	1.17	Sederhana
7	Anak menggunakan PTD walaupun tanpa kebenaran ibu bapa.	63.8	20.0	16.3	2.23	1.22	Rendah
8	Anak tidur dengan PTD masih berada di tangan.	81.3	13.8	5.0	1.61	0.99	Rendah
9	Anak menggunakan PTD sebaik sahaja bangun daripada tidur.	57.5	26.3	16.3	2.29	1.14	Rendah
10	Anak menggunakan PTD semasa makan.	57.5	21.3	21.3	2.33	1.167	Rendah
Nilai Keseluruhan					2.48	0.83	Sederhana

* TK= Tidak Kerap, KK= Kadang-kadang, K= Kerap.

Ketagihan penggunaan PTD kanak-kanak MP berada pada tahap sederhana dengan nilai min 2.48 dan SP 0.83. Ibu bapa menyatakan kanak-kanak gembira menggunakan PTD berbanding melakukan aktiviti lain dengan nilai min tertinggi iaitu 2.78, SP 1.19 (Item 3). Seterusnya, ibu bapa turut mendapati kanak-kanak tidak kerap menggunakan semula PTD pada kadar segera setelah berhenti seketika dengan nilai min kedua tertinggi iaitu 2.71, SP 1.17 (Item 6). 81.3% kanak-kanak juga tidak kerap tidur dengan PTD masih berada di tangan dengan nilai min terendah iaitu 1.61, SP 0.99 (Item 8). Walaupun ketagihan ini berada pada tahap yang sederhana, namun hal tersebut perlu diatasi bagi mengurangkan impak negatif terhadap perkembangan diri kanak-kanak. Kebergantungan terhadap PTD yang tinggi akan mengganggu proses perkembangan kognitif, sosial, emosi, fizikal, kesihatan dan kemahiran interpersonal kanak-kanak tersebut. Mereka juga akan cenderung untuk menyendiri, bersikap agresif, menghadapi kelewatan berbahasa dan akan diserang pelbagai penyakit seperti tulang belakang bengkok, rabun serta sakit kepala yang berpanjangan [25], [30], [31], [32], [33]. Oleh itu, boleh dirumuskan bahawa tahap ketagihan PTD kanak-kanak MP masih boleh dikawal dengan kaedah serta gaya didikan yang bersesuaian.

C. Hubungan antara gaya keibubapaan dengan ketagihan PTD

Analisis inferensi secara korelasi dilaksanakan bagi menentukan hubungan setiap pemboleh ubah yang

terlibat. Ujian kolerasi *Pearson* dijalankan ke atas tiga jenis gaya keibubapaan dengan ketagihan PTD.

1) Gaya keibubapaan autoritatif

Jadual 3 memaparkan ujian kolerasi yang dijalankan untuk mengkaji hubungan antara gaya keibubapaan autoritatif dengan ketagihan penggunaan PTD.

Jadual 3 Gaya keibubapaan autoritatif

	Min	SP	N
Autoritatif	4.2525	0.63065	80
Ketagihan	2.3588	0.82779	80

		Autoritatif	Ketagihan
Autoritatif	<i>Pearson Correlation</i>	1	-.424**
	<i>Sig. (2-tailed)</i>		.000
	N	80	80
Ketagihan	<i>Pearson Correlation</i>	-.424**	1
	<i>Sig. (2-tailed)</i>	.000	
	N	80	80

** . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed)

Gaya keibubapaan autoritatif mencatatkan nilai min 4.25, SP 0.63. Nilai min ketagihan penggunaan PTD pula adalah 2.35, SP 0.82. Terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan autoritatif dengan ketagihan penggunaan PTD kanak-kanak MP. Hal ini kerana nilai *r* adalah -0.42 manakala nilai signifikan *p-value* adalah 0.00 iaitu lebih kecil daripada 0.05. Jelaslah, gaya keibubapaan autoritatif mempunyai hubungan

yang lemah dengan ketagihan penggunaan PTD oleh kanak-kanak MP. Tahap ketagihan penggunaan PTD rendah apabila ibu bapa mempraktikkan gaya keibubapaan autoritatif. Maka, hipotesis nol gagal diterima dan menerima hipotesis alternatif.

Ketagihan penggunaan PTD dapat dikawal apabila ibu bapa memberikan bimbingan kepada kanak-kanak sepanjang mereka terdedah dengan PTD. Dalam konteks kajian ini, ibu bapa yang autoritatif membuka peluang kepada anak-anak untuk memberikan pendapat sendiri di samping menjalinkan hubungan yang baik antara satu sama lain. Dalam kata lain, kanak-kanak diberikan autoriti untuk menentukan hala tuju mereka sendiri. Gaya ini bersifat demokrasi, bertolak ansur, mementingkan komunikasi dua hala, mempunyai tahap responsif yang tinggi tetapi kawalan yang rendah dan turut menerapkan unsur kasih sayang sesuai dengan keperluan setiap kanak-kanak [14], [19], [34]. Hal ini seterusnya dapat mendorong mereka untuk bersosial, meningkatkan kestabilan emosi serta memiliki perkembangan akademik yang baik [16]. Justeru, gaya keibubapaan yang mencirikan ketegasan dan kasih sayang ini sesuai dipraktikkan kepada kanak-kanak MP bagi melahirkan insan yang berkualiti.

2) Gaya keibubapaan autoritarian

Jadual 4 pula menunjukkan ujian kolerasi yang dijalankan untuk mengkaji hubungan antara gaya keibubapaan autoritarian dengan ketagihan penggunaan PTD.

Jadual 4 Gaya keibubapaan autoritarian

	Min	SP	N
Autoritarian	4.1850	0.63067	80
Ketagihan	2.3588	0.82779	80

		Autoritarian	Ketagihan
Autoritarian	<i>Pearson Correlation</i>	1	-.193
	<i>Sig. (2-tailed)</i>		.087
	N	80	80
Ketagihan	<i>Pearson Correlation</i>	-.193	1
	<i>Sig. (2-tailed)</i>	.087	
	N	80	80

Nilai min gaya keibubapaan autoritarian yang ditunjukkan adalah 4.18, SP 0.63. Seterusnya, ketagihan penggunaan PTD memaparkan min 2.35, SP 0.82. Justeru, tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan autoritarian dengan ketagihan penggunaan PTD kanak-kanak MP. Perkara ini jelas apabila nilai r adalah -0.19 dengan nilai signifikan p -value 0.08 yang lebih besar daripada 0.05 . Kanak-kanak MP yang dididik dengan gaya keibubapaan autoritarian tidak cenderung untuk ketagih dengan PTD. Oleh itu,

hipotesis nol diterima dan hipotesis alternatif gagal diterima.

Kanak-kanak yang dididik dengan gaya ini menjadi takut dan terikat dengan arahan ibu bapa serta tidak boleh membantah sama sekali. Mereka perlu patuh dengan setiap peraturan yang ditetapkan. Gaya keibubapaan autoritarian bersifat autokratik, menekankan disiplin yang tinggi serta pengawalan yang ketat [34]. Namun begitu, terdapat kajian lalu yang menyatakan ibu bapa kanak-kanak MP lebih cenderung mempraktikkan gaya keibubapaan autoritarian berbanding gaya keibubapaan autoritatif [13]. Walaupun gaya ini dilihat mudah diaplikasikan kepada kanak-kanak MP yang berkefungsian tinggi, namun gaya ini secara tidak langsung akan meninggalkan kesan negatif ke atas perkembangan diri dan tingkah laku kanak-kanak tersebut. Mereka akan mengalami kecelaruan tingkah laku dan ketidakstabilan emosi seperti agresif, tantrum, menjerit serta menangis [11], [14]. Selain itu, kanak-kanak ini juga akan bertingkah laku negatif apabila ketiadaan ibu bapa dan lebih parah lagi, hubungan antara ibu bapa dan anak akan menjadi semakin renggang [26]. Tuntasnya, gaya ini kurang relevan dipraktikkan kepada kanak-kanak MP kerana kelak akan mengganggu perkembangan emosi, sosial dan juga tingkah laku mereka.

3) Gaya keibubapaan permisif

Jadual 5 memaparkan ujian kolerasi yang dijalankan untuk mengkaji hubungan antara gaya keibubapaan permisif dengan ketagihan penggunaan PTD.

Jadual 5 Gaya keibubapaan permisif

	Min	SP	N
Permisif	2.4750	0.74111	80
Ketagihan	2.3588	0.82779	80

		Permisif	Ketagihan
Permisif	<i>Pearson Correlation</i>	1	.273*
	<i>Sig. (2-tailed)</i>		.014
	N	80	80
Ketagihan	<i>Pearson Correlation</i>	.273*	1
	<i>Sig. (2-tailed)</i>	.014	
	N	80	80

*. Correlation is significant at the 0.05 level (2-tailed)

Berdasarkan Jadual 5, gaya keibubapaan permisif memaparkan nilai min iaitu 2.47, SP 0.74 manakala ketagihan penggunaan PTD pula dengan min 2.35, SP 0.82. Terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan permisif dengan ketagihan penggunaan PTD kanak-kanak MP. Hal ini kerana nilai r adalah 0.27 dan nilai signifikan p -value pula adalah 0.01 iaitu lebih kecil daripada 0.05 . Gaya keibubapaan ini mempunyai hubungan yang kuat dengan ketagihan penggunaan PTD kanak-kanak MP. Tahap ketagihan penggunaan PTD semakin meningkat apabila ibu bapa

mempraktikkan gaya keibubapaan permisif. Oleh itu, hipotesis nol gagal diterima dan menerima hipotesis alternatif.

Ibu bapa dengan gaya permisif bersikap lembut, mementingkan kebebasan dan mempunyai kawalan yang sangat rendah. Mereka juga kurang peka dan membiarkan anak mereka melakukan apa sahaja yang digemari tanpa pemantauan secara berkala. Kesannya, kanak-kanak akan menjadi obses dengan PTD jika ibu bapa hanya membiarkan mereka bermain peranti tersebut tanpa sebarang kawalan dan peraturan yang tegas [14], [34]. Selain itu, ibu bapa yang permisif menjadi sumber kepada kanak-kanak untuk memperoleh sesuatu kemahiran secara mudah dan cepat [11]. Kanak-kanak ini juga cenderung menunjukkan tingkah laku negatif seperti menjerit jika setiap kemahuan tidak dipenuhi kerana sudah terbiasa dengan kehidupan bebas seperti itu. Hal ini secara tidak langsung akan meningkatkan tahap ketagihan penggunaan PTD dalam kalangan kanak-kanak tersebut. Justeru, ibu bapa seharusnya memainkan peranan secara aktif dan berterusan dari masa ke masa dalam memantau serta mengawal perkara tersebut bagi mengelakkan berlakunya ketagihan.

V. KESIMPULAN

Kesimpulannya, gaya keibubapaan autoritatif adalah paling tinggi dipraktikkan oleh ibu bapa dalam mengawal ketagihan penggunaan PTD kanak-kanak MP. Perkara tersebut diikuti gaya autoritarian serta gaya permisif. Kajian ini didapati selari dengan beberapa kajian lalu yang menegaskan kebanyakan ibu bapa mengaplikasikan gaya keibubapaan autoritatif dalam mendidik anak-anak mereka [11], [13], [34]. Ketidakupayaan yang dihadapi oleh kanak-kanak MP menyebabkan mereka memerlukan bimbingan penuh dan pemantauan secara berkala daripada ibu bapa dalam setiap perkara termasuklah berkaitan penggunaan PTD. Penggunaannya secara berlebihan dalam jangka masa yang lama boleh menyebabkan ketagihan. Hal ini akan meninggalkan kesan negatif terhadap perkembangan diri dan kualiti hidup kanak-kanak tersebut. Ibu bapa seharusnya cakna dan bertindak dengan pantas bagi mengelakkan perkara ini daripada menjadi semakin rumit. Jelasnya, amalan gaya keibubapaan yang tepat dan sesuai dengan kanak-kanak MP adalah penting bagi memastikan mereka menjalani kehidupan dengan suasana yang kondusif dan optimum.

Kajian ini penting bagi menambahkan pengetahuan ibu bapa untuk mengawal ketagihan dan mengoptimumkan kadar penggunaan PTD di samping mengurangkan kesan jangka panjang dari segi emosi, tingkah laku, sosial serta kognitif kepada kanak-kanak MP. Ibu bapa juga akan mendapat gambaran gaya keibubapaan yang sesuai dengan anak-anak mereka. Tambahan lagi, kajian ini juga dikesan akan menyumbangkan kesedaran kepada ibu bapa untuk terlibat secara aktif dalam mengawal

penggunaan PTD agar digunakan secara terkawal. Program latihan perlu diberi bagi membantu ibu bapa untuk mendidik anak-anak secara efektif dan seimbang terutama dalam konteks penggunaan PTD [22]. Seterusnya, cadangan kajian lanjutan perlu memberi tumpuan bagi mengkaji penglibatan ibu bapa berdasarkan gaya keibubapaan dengan ketagihan penggunaan PTD kanak-kanak MP di kawasan luar bandar dan kanak-kanak MP dalam lingkungan satu hingga enam tahun. Selain itu, kajian berkaitan ketagihan terhadap PTD melibatkan remaja MP juga perlu dilaksanakan. Ironinya, penggunaan PTD amat penting selaras dengan perkembangan teknologi pada masa kini namun seharusnya digunakan secara optimum. Oleh itu, ibu bapa berperanan dalam mewujudkan kawalan yang seimbang agar kanak-kanak mendapat manfaat daripada penggunaan PTD yang optimum.

PENGAKUAN

Jutaan terima kasih kepada penyelia, para pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), responden kajian di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya serta pihak yang terlibat secara langsung dan juga tidak langsung sepanjang kajian ini dijalankan pada tahun 2022-2023.

RUJUKAN




- [1] Milana Abdillah Subarkah, "Pengaruh gajet terhadap perkembangan anak," *Rausyan Fikr*, vol. 15, no. 1, pp. 125-138, 2019.
- [2] M. P. Selvam and Hasnah Toran, "Persepsi guru terhadap penggunaan gajet dan hubungannya dengan perkembangan murid autisme di sekolah rendah daerah Gombak," *Global Journal of Educational Research and Management (GERMANE)*, vol. 1, no. 2, pp. 115-129, 2021.
- [3] Siti Jamiaah Abdul Jalil, Nurfarahain Abu Bakar and Juwariah Hassan, "Pengawalan ibu bapa berkerjaya terhadap penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak: satu kajian kes," *Bicara Dakwah Kali ke-21: Dakwah dalam Talian semasa Pandemik*, 2020.
- [4] Naquib Nahar, Shahrizam Sangi, D.B. Salvam, Nurhidayu Rosli and Abdul Hafiz Abdullah. "Impak negatif teknologi moden dalam kehidupan dan perkembangan kanak-kanak hingga usia remaja," *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, vol. 1, pp. 87-99, 2018.
- [5] Aina Rasyidah Samsuddin and Hapsah Md

- Yusof, "Penggunaan gajet terhadap perkembangan kanak-kanak prasekolah," *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan (Special Issue)*, vol. 9, pp. 112-126, 2020.
- [6] D. Schmuck, A. S. J. Matthes, and K. Karsay, "Out of control? How parents' perceived lack of control over children's smartphone use affects children's self-esteem over time," *New Media & Society*, pp. 1-21, 2021.
- [7] M. Al-Natour, K. Al-Ajlouni, and Al-Khamra, "The impact of smartphone addictive use by students with learning disabilities on social, psychological and academic domains," *International Journal of Innovation, Creativity and Change*, vol. 15, no. 2, pp. 948-965, 2021.
- [8] C. Westby, "Why children with autism at risk the negative effects of screen time," *Worf of Mouth*, vol. 29, no. 5, pp. 9-13, 2018.
- [9] H. K. Kabali, M. M. Irigoyen, R. Nunez-Davis, J. G. Budacki, S. H. Mohanty, K. P. Leister, and R. L. J. Bonner, "Exposure and use of mobile media devices by young children," *Pediatrics*, vol. 136, no. 6, pp. 1044-1050, 2015.
- [10] J. Matthes, M. F. Thomas, A. Stevie, and D. Schmuck, "Fighting over smartphones? Parents' excessive smartphone use, lack of control over children's use and conflict," *Computers in Human Behavior*, vol. 116, pp. 1-10, 2020.
- [11] Nurul Izzati Asyiqin Bahtiar and Manisah Mohd Ali, "Pengaruh gaya keibubapaan terhadap penggunaan peranti teknologi dalam kalangan kanak-kanak bermasalah pembelajaran," *Jurnal Dunia Pendidikan*, vol. 3, no. 1, pp. 500-514, 2021.
- [12] K. E. Van der Geest, S. Y. M. Mérelle, G. Rodenburg, D. Van de Mheen, and C. M. Renders, "Cross-sectional associations between maternal parenting styles, physical activity and screen sedentary time in children," *Public Health*, vol. 13, no. 753, pp. 2-10, 2017.
- [13] Y.E. Riany, M. Cuskelly, and P. Meredith, "Parenting style and parent-child relationship: A comparative study of Indonesian parents of children with and without autism spectrum disorder (ASD)," *Journal of Children and Family Studies*, vol. 26, no. 12, pp. 3559-3571, 2017.
- [14] M.S. Oden, "Parenting style and children's usage of the internet in digital age," Tesis diterbitkan, Walden University, 2019.
- [15] Fathi Mahmoud Ilhmeideh and Aseel Akram Shawareb, "The association between internet parenting styles and children's use of the internet at home," *Journal of Research in Childhood Education*, vol. 28, pp. 411-425, 2014.
- [16] V. Konok, N. Bunford, and A. Miklósi, "Associations between child mobile use and digital parenting style in Hungarian families," *Journal of Children and Media*, pp. 1748-2801, 2019.
- [17] M. Valcke, B. De Wever, H. Van Keer, and T. Schellens, "Long-term study of safe internet use of young children," *Computers & Education*, vol. 57, pp. 1292-1305, 2011.
- [18] D. Baumrind, "Effect of authoritative parental control on child behavior," *Child Development*, vol. 37, no. 4, pp. 887-907, 1996.
- [19] Abdul Adib Asnawi, Lailawati Madlan @ Endalan, and Agnis Sombuling, "Peranan gaya keibubapaan dalam pembentukan kecerdasan emosi remaja luar bandar: Satu tinjauan awal di Sabah," *Malaysia Journal of Youth Studies*, 2017.
- [20] R. E. Larzelere, A. S. Morris, and A. W. Harrant, "Authoritative parenting: Synthesizing nurturance and discipline for optimal child development," *American Psychological Association*, 2013.
- [21] P. Williams, and S. Shekhar, "People with learning disabilities and smartphones: Testing the usability of a touch-screen interface," *Education Science*, vol. 9, no. 263, pp. 2-16, 2019.
- [22] S. Vaidyanathan, H. Manohar, V. Chandrasekaran, and P. Kandasamy, "Screen time exposure in preschool children with ADHD: A cross-sectional exploratory study from South India," *India Journal of Psychological Medicine*, vol. 43, no. 2, pp. 125-129, 2021.
- [23] Joan Danil and Suzyani Mohamed, "Perubahan tingkah laku kanak-kanak disebabkan penggunaan gajet," *Jurnal Dunia Pendidikan*, vol. 3, no. 2, pp. 200-209, 2021.
- [24] Salmah Omar and Malisah Latip, "Pengaruh peranti teknologi kepada perkembangan sosial dan permasalahan kesihatan kanak-

- kanak," pp. 1-12, 2015.
- [25] Shima Dyana Mohd Fazree and Siti Marziah Zakaria, "Kesan penggunaan gajet kepada perkembangan kognitif dan sosial kanak-kanak prasekolah," *Persidangan Kebangsaan Sarjana Muda Sains Sosial dan Kemanusiaan*, pp. 1-8, 2018.
- [26] Rizky Novitasari Suherman, Qori'ila Saidah, Ceria Nurhayati, Tantut Susanto and Nuh Huda, "The relationship between parenting style and gajet addiction among preschoolers," *Malaysian Journal of Medicine and Health Science*, vol. 17, pp. 117-122, 2021.
- [27] Ghazali Darusalam and Sufean Hussin, "Metodologi penyelidikan dalam pendidikan: Amalan dan analisis kajian," Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2016.
- [28] Fathi Mahmoud Ilhmeideh and Aseel Akram Shawareb, "The association between internet parenting styles and children's use of the internet at home", *Journal of Research in Childhood Education*, vol. 28, pp. 411-425, 2014.
- [29] N. S. Hawi, M. Samaha, and M. D. Griffiths, "The digital addiction scale for children: Development and validation," *Cyberpsychology, Behavior and Social Networking*, vol. 22, no. 12, pp. 771-778, 2019.
- [30] Mildayani Suhana, "Influence of gadget usage on children's social-emotional development," *Advances in Social Science, Education and Humanities Research (ASSEHR)*, vol. 169, pp. 224-227, 2017.
- [31] Eka Setiawati, Elith Solihatulmillah, Habub Chayoo and A. Dewi, "The effect of gadget on children's social capability," *Journal of Physics: Conference Series*, vol. 1179, no. 2019, pp. 1-6, 2018.
- [32] Ririn Prastia Agustin, Qori Ila Saidah, Sapto Dwi Anggoro, Nuh Huda, Dini Mei Widayanti, Dwi Priyantini, Ceria Nurhayati, and Lela Nurlela, "The relationship between the use of gadget and emotional development of preschool children," *The Malaysian Journal of Nursing*, vol. 11, no. 2, pp. 97-102, 2019.
- [33] Diah Setiani, "The effect of gadget usage on the social development of children aged 3-5 years: literature review," *STRADE Jurnal Ilmiah Kesehatan*, vol. 9, no. 2, pp. 1732-1739, 2020.
- [34] E. Delvecchio, A. Germani, V. Raspa, A. Lis, and C. Mazzeschi, "Parenting styles and child's well-being: The mediating role of the perceived parental stress," *Europe's Journal of Psychology*, vol. 16, no. 3, pp. 514-531, 2020.

MAKLUMAT PENULIS

<p>Penulis Pertama:</p> <p>FARAH NURLIENA BINTI CHE HUSIN</p>	<p>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia</p> <p>E-mail: P110844@siswa.ukm.edu.my / farahnurliena@gmail.com</p>
---	---

	
<p>Penulis Kedua:</p> <p>PROF MADYA DR. MOHD HANAFI BIN MOHD YASIN</p> 	<p>Fakulti Pendidikan (Pusat Kajian Pendidikan & Kesejahteraan), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia</p> <p>E-mail: mhmy6365@ukm.edu.my</p>
<p>Penulis Ketiga: DR.</p> <p>SHAHLAN BIN SURAT</p> 	<p>Fakulti Pendidikan (Pusat Kajian Inovasi Pembelajaran dan Pembelajaran), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia</p> <p>E-mail: drshahlan@ukm.edu.my</p>